

Jurnal Kinabalu IV (1998) 178 - 182

MODERN LATIN AMERICA oleh PETER H. SMITH
Oxford University Press, edisi keempat, 1997, 465 muka surat,
RM103.00, ISBN: 0-19-510017-4

*Asmady Idris**

Buku *Modern Latin America* ini ditulis oleh Profesor Peter H. Smith (University of California) dan Profesor Thomas E. Skidmore (Brown University). Buku ini dibahagikan kepada beberapa bab utama supaya ia bersifat kronologi dan sistematik. Secara amnya, buku ini dimulakan dengan ruangan *prologue* yang membincangkan tentang kepentingan mengkaji sejarah, struktur politik dan hubungan antarabangsa Amerika Latin. Antara ciri-ciri kepentingan utama yang diutarakan ialah seperti elemen kontradiksi semulajadi yang terdapat di rantau ini. Contohnya, usia kebudayaan dan tamadun Amerika Latin adalah 'muda' berbanding dengan rantau Asia dan Afrika. Namun, negara-negara Amerika Latin terlebih dahulu mengecapi kemerdekaan iaitu 100 tahun lebih awal daripada negara-negara Dunia Ketiga yang lain. Selain daripada itu, unsur-unsur 'kebebasan' dan 'pergantungan' sentiasa mewarnai corak dan sistem ekonomi-politik negara-negara Amerika Latin. Dengan kata yang lain, sungguhpun negara-negara Amerika Latin sudah merdeka, tetapi mereka seakan-akan terikat dengan sistem pergantungan ekonomi dunia yang tidak seimbang. (Untuk keterangan lanjut, sila lihat halaman 7-10, 147-188 - sebagai contoh negara Brazil).

* *Asmady Idris ialah pensyarah dalam Program Hubungan Antarabangsa, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.*

Bab 1 memfokus kepada era kolonialisme awal oleh kuasa-kuasa Eropah terutamanya empayar Sepanyol dan Portugal. Penulis juga menganalisis perjuangan penduduk tempatan, (seperti rakyat Brazil pada tahun 1822 bebas dari penjajahan Portugal, tahun 1899 menubuh kerajaan republik secara rasmi) untuk membebaskan negara mereka dari belenggu kuasa kolonial Eropah Barat. Bab 2 membincangkan tentang proses transformasi negara-negara Amerika Latin kepada kemajuan moden. Antara aspek penting yang disentuh ialah struktur pembangunan ekonomi domestik, kadar pertumbuhan eksport-import, bebanan hutang dan isu-isu demokrasi dan kemanusiaan. Walau bagaimanapun, bagi pengulas, isu bebanan hutang adalah analisis yang paling menarik. Penulis berjaya mengetengahkan dua fasa krisis hutang yang serius di rantau Amerika Latin.

Fasa pertama ialah sekitar akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an. Krisis ini bermula apabila negara-negara Arab melaburkan kewangan mereka di bank-bank antarabangsa barat (disebabkan harga minyak petroleum yang meningkat). Apabila bank-bank ini memiliki kredit yang banyak, maka mereka mula meminjamkannya ke beberapa buah negara Dunia Ketiga, khususnya Amerika Latin. Sebanyak US27 billion (1970) telah diagihkan. Jumlah ini ditambah lagi sehingga mencapai US231 billion (1980). Akibat daripada jumlah hutang yang banyak ini, proses pembayaran balik tidak berfungsi seperti biasa. Pada bulan Ogos 1982 negara Mexico mengumumkan bahawa ia tidak mampu membayar hutang yang tertunggak. Bertitik-tolak daripada ini, negara Amerika Syarikat, IMF, dan bank-bank Amerika Syarikat telah campurtangan secara langsung bagi membantu negara-negara Amerika Latin menyelesaikan krisis ekonomi.

Fasa kedua pula ialah sekitar awal tahun 1990-an (pada ketika ini jumlah hutang negara-negara Amerika Latin telah mencatat sebanyak US417.5 billion). Krisis ini bermula apabila wujud kenaikan pertumbuhan ekonomi Amerika Latin dari 1.5 % (1985-89) ke 3.5 % (1990-an). Ini disebabkan oleh kedatangan pelabur-pelabur asing (Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah) ke

rantau ini yang telah melabur dari angka 13.4 billion (1990) sehinggalah ke angka 57 billion (1994). Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur ini hanya 'menempatkan' modal kewangan mereka dalam sektor pelaburan jangka pendek (portfolio). Dengan demikian, mereka mampu untuk membawa keluar modal secara 'spontan' apabila keuntungan diperolehi. Andaian ini telah menjadi kenyataan. Iaitu pada tahun 1994, apabila Badan Simpanan Persekutuan Amerika Syarikat menaikkan kadar faedah dolar, pelabur-pelabur ini telah berpusu-pusu mengeluarkan modal mereka dan melaburkannya di bank-bank Amerika Syarikat. Akhirnya, berlaku kejatuhan mendadak (sebanyak 14%) di pasaran Amerika Latin. Keadaan ini juga telah menurun-nilaikan mata wang peso Mexico pada bulan Disember 1994. (Sila lihat halaman 43-67).

Manakala Bab 3-10 mengkaji secara khusus negara-negara Amerika Latin bermula dari Argentina, Chile, Brazil, Peru, Mexico, Cuba, negara-negara Caribbean (Haiti, Republik Dominic, Jamaica, Puerto Rico), negara-negara Tengah Amerika Latin (Panama, Costa Rica, Nicaragua, Honduras, El Salvador, Guatemala). Kajian ini meliputi sejarah pembentukan negara-bangsa, strata pembangunan ekonomi, konflik dan revolusi domestik, sistem pemerintahan (diktator, rejim militer dan demokrasi) dan hubungan antarabangsa negara-negara ini di era globalisasi. (Halaman 68-358). Bab 11 memberi tumpuan kepada hubungan 'istimewa' Amerika Syarikat-Amerika Latin melalui Doktrin Monroe, NAFTA dan *Summit of the Americas*. Di samping itu, pola hubungan Amerika Latin dengan negara-negara lain juga turut dianalisis. Buku ini diakhiri dengan sebuah epilog (selain daripada beberapa lampiran dan indeks) yang mengutarakan persoalan masa hadapan rantau Amerika Latin dan sumbangannya terhadap dunia. Pelbagai isu telah dikupas oleh penulis. Antara yang menarik ialah seperti potensi konflik serantau yang mampu mewujudkan keadaan tegang dan seterusnya boleh membawa kepada peperangan. Sebagai contoh, konflik pertindihan tuntutan ke atas Kepulauan Falklands-Malvinas antara kerajaan Argentina-Britain, isu Selat Beagle

antara Argentina-Chile, krisis sempadan Venezuela-Guyana, konflik sempadan Amerika Syarikat-Mexico dan lain-lain lagi.

Pada dasarnya buku ini memiliki pelbagai keistimewaan (tidak hairanlah jika buku ini sudah dicetak sebanyak empat kali) berbanding dengan buku-buku Amerika Latin yang lain seperti *A History of Latin America* (Keen 1992) yang lebih menumpu kepada sejarah Amerika Latin, *Latin American Politics and Development* (Wiarda & Kline, eds. 1985) merupakan kumpulan-kumpulan esei yang hanya membicarakan isu-isu tertentu sahaja, *US Policy Toward Latin America* (Molineu 1986) yang menekankan kepada aspek hubungan dan pengaruh Amerika Syarikat terhadap negara-negara Amerika Latin dan beberapa buah buku lagi (jika satu kajian perbandingan lanjutan dikehendaki).

Antara keistimewaan karya ini ialah penulis berjaya menggabungkan dua gaya penulisan yang komprehensif. Iaitu, selain dari menumpukan kepada sejarah pembentukan negara-negara Amerika Latin (dari segi budaya, ekonomi dan politik), penulis juga memasukkan elemen-elemen 'futuristik' yang telah menjadikan buku ini menarik untuk dibaca. Dengan kata yang lain, para pembaca khususnya graduan universiti bukan sahaja dihidangkan dengan peristiwa-peristiwa lampau tetapi termasuk juga jangkaan-jangkaan masa depan yang tidak ketentuan sifatnya. Kecenderungan penulisan seperti ini akan memungkinkan para pengkaji yang lain untuk mencari 'jawapan' kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh penulis. (Perbincangan penulis merangkumi isu-isu peralihan pemerintahan diktator-rejim militer-demokrasi, dasar pembangunan ekonomi berdasarkan kepada teori modenisasi, pergantungan dan kapitalisme, dan potensi Amerika Latin untuk membentuk dan mewujudkan satu pasaran ekonomi antarabangsa yang dinamik).

Secara ringkasnya, pengulas buku berpendapat bahawa buku ini amat sesuai untuk dijadikan teks asas kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi yang ingin mengenali dan mempelajari

colat-calit sejarah, tamadun-budaya, politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa Amerika Latin.